


Harimau yang Mengenang Budi





© Blue-T Publication Sdn. Bhd.

Cerita asal & Ilustrasi: Johnny Rinaldi, A. Wahyu L.B.
Olahan: Saadah Taib
Editor: Nurhafiza Hamzah, Haider Yutim, Siti Sarah Othman.
Rekabentuk Kulit: Azhar Abdullah
Rekabentuk Grafik: Tan Peng Peng

Cetakan April 2007

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa jua cara pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain tanpa izin bertulis daripada

Blue-T Publication Sdn. Bhd. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan oleh:

Blue-T Publication Sdn. Bhd. (643137-A)
12, Jalan 3/4C, Desa Melawati,
53100 Kuala Lumpur.
Tel: 03-4149 4119 / 016-202 7002 / 016-202 7004
Faks: 03-4149 1117



Di pinggir sebuah hutan, tinggal tiga ekor arnab yang


periang.

Setiap hari kerja mereka hanyalah makan dan bermain. Meskipun begitu, mereka ialah arnab-arnab yang **baik**. Haiwan-haiwan lain suka bermain dengan mereka.

Pada suatu hari, ketiga-tiga arnab tersebut bermain di kawasan yang agak jauh ke dalam hutan. Mereka berkejar-kejaran dan berlumba sesama sendiri untuk cepat sampai ke tempat mata air mengalir. Mereka berlompat riang, meredah semak, melompati batang pokok yang tumbang, juga meluncur menuruni bukit.

Selang beberapa ketika, mereka pun sampai di tepian mata air. Arnab yang kalah terpaksa menggendong yang **menang**. Mereka minum

sambil bergurau dan **tertawariang**.





Sementara itu, tidak jauh dari tempat arnab-arnab itu bermain, ada seekor harimau yang telah terjatuh ke dalam sebuah lubang perangkap. Lubang perangkap tersebut sengaja dibuat oleh pemburu untuk memerangkap haiwan liar.

Sang Harimau cuba memanjat dinding lubang untuk melepaskan diri, tetapi **ngau man!** Harimau jatuh semula ke bawah. Lubang itu terlalu dalam sehingga tidak mungkin baginya dapat keluar dari situ.

Sang Harimau sudah hampir **berputus asa**.

"Auum!!" Harimau mengaum sekuat-kuatnya, dengan harapan ada yang mendengar dan akan datang untuk melepaskannya.

Begitu kuat **ngauman** itu sehingga dapat didengari oleh kebanyakan haiwan hutan.

Haiwan-haiwan di hutan dilanda ketakutan kerana tidak pernah sebelum ini mereka mendengar bunyi **ngauman** Sang Harimau yang begitu kuat.



Arnab-arnab yang berada tidak jauh dari situ juga ikut mendengar bunyi **ngauman** Raja Hutan itu. Suasana hutan yang agak sunyi pada ketika itu membuatkan mereka dapat mendengar dengan jelas.

Pada pendengaran mereka, bunyi **Ngauman** itu kedengaran agak mendayu-dayu seperti sedang memerlukan pertolongan. Lalu, mereka memutuskan untuk mencari dari mana asal suara harimau tersebut.

Setelah meninjau-ninjau kawasan di sekitar hutan, sampailah ketiga-tiga arnab itu di lubang tempat di mana Harimau terperangkap.

Pada awalnya, rasa gementar terdetik di hati ketiga-tiga arnab tatkala terpandang Sang Harimau yang sedang merenung tepat ke arah mereka. Namun, kemudian mereka mengerti bahawa Sang Harimau sedang sangat memerlukan pertolongan.

"Apa kita nak buat sekarang? Sang Harimau terlalu besar untuk kita tarik keluar," kata arnab pertama.


Setelah mengadakan perbincangan, ketiga-tiga arnab mengambil keputusan cuba untuk mendapatkan pertolongan daripada haiwan-haiwan yang ada di hutan itu.



Dalam usaha mencari pertolongan, arnab pertama telah bertemu dengan Sang Kerbau. Arnab meminta Kerbau agar dapat membantunya membebaskan harimau yang terperangkap di dalam lubang. Tetapi, Sang Kerbau cuma berdiam sahaja. Dia meninggalkan arnab tanpa berkata apa-apa.

Arnab kedua berjumpa dengan sekawan kera. Ia berharap kera-kera tersebut mahu menolongnya. Tetapi, kera-kera tersebut tidak mengendahkannya, bahkan mereka **mentertawakannya**.


“Ha..ha..ha.. hanya haiwan bodoh saja yang sanggup menolong Harimau. Bukankah ia selalu menjadikan kita ini sebagai **makanannya**? Lupakah kamu akan hal itu wahai Arnab?” soal ketua kumpulan kera itu.



Arnab ketiga pula pergi ke sungai dan bertemu dengan sekawan gajah yang sedang membersihkan diri. Ia menghampiri ketua kawanan gajah itu untuk menerangkan tujuan kedatangannya.

"**Er..** sebenarnya tujuan..." kata-kata arnab terputus di situ apabila Sang Gajah mula **MENYERGAHNYA**:

Hei....! Pergi kau dari sini! Tak nampakkah kau kami sedang membersihkan diri?"



Setelah **gagak** mendapatkan pertolongan, arnab-arnab itu kembali ke tempat Harimau terperangkap. Tetapi, kedatangan mereka sudah terlambat.

Dari jauh mereka ternampak kelibat si pemburu yang sedang berusaha memindahkan Harimau yang sudah berada di dalam sebuah kurungan.

Ketiga-tiga arnab itu berasa **sedih** apabila terlihat wajah **Sayu** Sang Harimau.

"Kita mesti tolong Sang Harimau. Kalau tidak tentu nyawanya dalam **BAHAYA**," ujar arnab kedua.

"Apa kata kita ikut mereka," kata arnab pertama memberi cadangan.

Si pemburu haram membawa Harimau ke tempat perkhemahannya. Tanpa disedari oleh pemburu, ketiga-tiga ekor arnab telah mengekorinya dari belakang. Sementara menunggu hari malam, arnab-arnab itu bersembunyi di dalam semak berhampiran. Mereka perlu menunggu waktu yang sesuai untuk membebaskan Harimau.





Sementara itu, Harimau yang masih berada di dalam kurungan **GELISAH** dan membayangkan nasib yang akan diterimanya.

Hari mulai gelap dan malam pun tiba. Ketiga-tiga arnab itu masih bersembunyi berdekatan dengan khemah pemburu.

Akhirnya, waktu yang ditunggu-tunggu pun tiba. Pemburu sudah masuk ke dalam khemah untuk beristirehat. Beberapa ketika kemudian kedengaran suara dengkuran si pemburu yang sudah pun **lena**.

Dengan berhati-hati, ketiga-tiga ekor arnab mendekati khemah pemburu. Mereka menjenguk ke dalam khemah. Si pemburu sedang **tidur** dengan nyenyaknya. Mereka muh u memastikan pemburu benar-benar telah tidur sebelum mereka boleh bertindak.



Harimau **terkejut** tatkala melihat kemunculan ketiga-tiga ekor arnab berkenaan secara tiba-tiba. Harimau tidak menyangka mereka akan datang untuk menolongnya.

"Sshhh... JANGAN buat bising. JANGAN sampai si pemburu tersedar," kata arnab pertama memberi peringatan. Satu demi satu tali pengikat kurungan digigit oleh arnab-arnab itu.

Mujur juga kurungan tersebut dibuat daripada batang buluh dan hanya diikat dengan tali. Setelah semua tali pengikat pintu kurungan terputus, arnab-arnab pun membuka pintu dengan berhati-hati.

"CEPAT...!" Keluar dari situ," kata arnab kedua. Betapa leganya hati Sang Harimau kerana berjaya keluar dari kurungan.

Dengan berhati-hati, Harimau mengekori arnab-arnab itu dari belakang. Mereka meninggalkan khemah pemburu dan meredah kegelapan malam dengan rasa penuh kesyukuran.



Ketiga-tiga ekor arnab bersama Harimau sudah jauh meninggalkan khemah pemburu. Mereka berhenti di suatu tempat yang terlindung dan agak selamat. Harimau mengucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga arnab yang telah menolongnya. Meskipun Harimau dilihat begitu **BENGIS**, tetapi Harimau berjanji tidak akan mengapa-apakan arnab-arnab itu walau di manapun mereka bertemu. Malah, Sang Harimau berjanji akan membala budi ketiga-tiga arnab suatu masa nanti.

"Aku dibenci oleh kebanyakan haiwan di hutan ini dan mereka pastinya tidak akan menolong ketika aku ditimpa kesusahan. Tetapi... kamu bertiga sungguh **baik hati**. Aku tak akan melupakan jasa kamu bertiga sampai bila-bila," ujar Harimau dengan rasa terharu.



Harimau yang masih kelihatan terharu mengucapkan **salam perpisahan** kepada ketiga-tiga ekor arnab.


"Semoga kita berjumpa lagi.. **Selamat tinggal** sahabat-sahabatku yang baik hati," ujar Harimau sambil melangkah pergi. Ketiga-tiga arnab memerhati Harimau sehingga ia hilang dalam kegelapan malam.



Ketiga-tiga ekor arnab menjalani kehidupan seperti biasa. Selepas kejadian itu, mereka tidak pernah bertemu dengan Harimau.

Pada suatu hari, seperti biasa mereka bermain dan berkejar-kejaran di dalam hutan. Mereka begitu **seronok bermain** sehingga tidak menyedari, bahawa mereka telah sampai ke kawasan yang jauh dari tempat tinggal mereka. Ketiga-tiga arnab kini sudah memasuki kawasan hutan larangan. Kawasan hutan larangan adalah tempat tinggal kepada kebanyakan haiwan buas.

Ketiga-tiga arnab itu tidak sedar akan bahaya yang berada di hadapan mereka.





"HEI.. CEPATLAH!"

Kita lihat siapa yang sampai dulu," kata Arnab pertama sambil ketawa riang. Mereka terus berkejar-kejaran tanpa menyedari bahawa beberapa pasang mata sedang mengintai mereka. Bayang-bayang hitam pemilik haiwan buas mula kelihatan dari balik semak.

Bayangan hitam itu adalah milik sekawan serigala **buas** yang menguasai kawasan hutan larangan. Serigala-serigala itu sangat ditakuti kerana kekejaman mereka. Serigala-serigala tersebut mengikut ke mana sahaja arnab-arnab itu pergi. Bagi mereka, arnab-arnab itu adalah mangsa paling **enak** yang tidak boleh dilepaskan begitu sahaja. Ketiga-tiga arnab itu masih tidak sedar akan kehadiran haiwan **buas** itu.

Suasana hutan yang **sur am** membuatkan kumpulan Serigala itu kelihatan samar-samar di balik pokok dan semak-semun. Kini, Sang Serigala sudah hampir benar dengan ketiga-tiga ekor arnab.





Arnab yang berlari paling depan tiba-tiba terdengar bunyi daun-daun kering dipijak lalu menghentikan langkahnya. Arnab lain yang berada di belakangnya juga turut berhenti.

"Sshhh... JANGAN bising," ujar arnab pertama.

"Kenapa? Kenapa kau berhenti?" soal arnab kedua.

"Eee.. aku rasa tak sedap hatilah," sambung arnab ketiga.

Mereka memerhati keadaan di sekeliling. Suasana di hutan ketika itu sunyi sepi. Tiba-tiba mereka terdengar bunyi dengusan Sang Serigala.

Arnab-arnab **ketakutan**. Bunyi tersebut semakin lama semakin kuat kedengaran menandakan serigala-serigala itu sudah berada hampir dengan mereka.

Arnab-arnab itu cuba meninggalkan tempat tersebut tetapi belum sempat mereka melangkah, tiba-tiba sekawan serigala melompat keluar dan menghadang laluan mereka.

"Grrr....!" dengus Sang Serigala sambil menyeringai menampakkan taring-taring mereka yang tajam.





"Aaa.. Tolong! Tolong!" jerit ketiga-tiga ekor arnab. Tanpa menoleh ke belakang, ketiga-tiga arnab itu terus lari sepantas-pantasnya untuk menyelamatkan diri. Serigala-serigala itu mengejar dari belakang mereka. Mereka tidak akan membiarkan arnab-arnab itu terlepas.

Serigala-serigala itu faham benar dengan keadaan kawasan hutan larangan itu. Jadi, dengan mudah mereka mengatasi halangan-halangan yang dilalui oleh ketiga-tiga arnab. Meskipun arnab-arnab itu berlari dengan pantas, tetapi jarak antara mereka dengan serigala-serigala semakin lama semakin dekat. Walaupun telah keletihan, ketiga-tiga arnab masih **tidak beputus asa** untuk menyelamatkan diri masing-masing. Tanpa mereka sedari, mereka telah sampai ke jalan mati.






"**Err...** matilah kita kali ni," bisik arnab kedua terketar-ketar ketakutan.

"**JANGAN** takut. Kalau belum sampai ajal, kita tak akan mati," puju arnab pertama walaupun ia sendiri mulai berasa takut.

Arnab-arnab makin tersepit. Di hadapan mereka adalah bukit curam yang tidak mungkin untuk didaki. Mereka cuba untuk berpatah balik melalui jalan yang mereka lalui sebelumnya tetapi serigala-serigala itu telah menghadang mereka.

Arnab-arnab tahu mereka sudah tidak ada jalan lain untuk melepaskan diri. Sebaliknya, serigala-serigala tersenyum puas. Arnab-arnab berundur hingga sampai di bukit batu dan mereka tidak boleh bergerak lagi. Mereka benar-benar **takut** dan hanya mampu berserah ketika serigala-serigala menghampiri mereka dengan air liur yang menitis-nitis.

Kini, muncung serigala-serigala itu sudah sangat dekat dengan mereka.





Tiba-tiba, dari atas bukit terdengar bunyi **Ngauman** seekor harimau. Ngaumannya menggegarkan, membuatkan serigala-serigala itu terkejut.

Ketiga-tiga arnab juga menjadi semakin **takut**. Di atas bukit, berdiri seekor harimau yang besar dan **GARANG**. Harimau itu merenung tajam ke arah serigala.

"**Eee...** kali ini kita betul-betul akan mati," kata arnab kedua.

"Kesian mak ayah kita. Tadi mereka tak izinkan aku keluar, tapi aku degil juga," kata arnab ketiga hampir menangis.

"**Hei**, cuba tengok harimau itu betul-betul. Bukankah itu harimau yang kita tolong dahulu?" kata arnab pertama cuba untuk menenangkan keadaan.





Harimau melompat turun dari atas bukit. Kini, Harimau sedang berdepan dengan sekumpulan serigala buas. Serigala-serigala tersebut mula menyerang Harimau. Berlakulah pertarungan yang **SENGIT** antara Sang Raja Hutan dan Serigala.

Bilangan Serigala yang banyak membuatkan mereka **BERANI** menyerang Sang Harimau. Mereka menerkam, menggigit dan menyerang Harimau dari pelbagai sudut, tetapi Harimau dengan tangkas mengelak.

Ketiga-tiga arnab menahan nafas menyaksikan pertarungan yang mendebaran itu. Ternyata Sang Harimau bukanlah tandingan untuk Sang Serigala. Akhirnya, serigala-serigala itu melarikan diri dengan tubuh penuh luka akibat cakaran daripada kuku Sang Harimau.





Hore..Hore..!!!

"**Hore..Hore..!!!**" jerit ketiga-tiga arnab **kegirangan**. Bahaya yang mengancam mereka telah berlalu dengan pertolongan Harimau. Sang Harimau tersenyum ke arah mereka.

Arnab-arnab itu mengucapkan terima kasih kepada Harimau kerana telah menyelamatkan mereka daripada bahaya. Ternyata kebaikan yang pernah mereka lakukan dahulu terhadap Harimau tidak sia-sia. Kini, Harimau **membalas budi** mereka. Harimau juga berasa senang kerana dapat membantu sahabat-sahabatnya.

"Kamu bertiga ini memang arnab-arnab yang **Nakal**, " kata Harimau mengusik.

Haa..? Kenapa pula?" soal arnab kedua.

"Lain kali, bermainlah di kawasan yang selamat. Kamu bertiga tentu tidak minta izin dengan ibu dan ayah kamu untuk pergi bermain bukan?" soal Harimau.



Harimau membiarkan arnab-arnab duduk di kepala dan belakang badannya. Hari sudah mulai gelap ketika mereka sampai di tempat tinggal masing-masing. Sekali lagi ketiga-tiga arnab itu harus berpisah dengan Harimau. Kini, jalinan tali persahabatan mereka semakin erat.

Miliki semua Koleksi Buku Alam Haiwan

